



Ruj. Kami : JPNK. 600-11/1/1 Jld. 22(92)
Tarikh : 1 Ogos 2023

Pengerusi

Malaysia Mental Literacy Movement (MMLM)
Universiti Tunku Abdul Rahman, Kampus Sungai Long
Jalan Sungai Long, Bandar Sungai Long
Cheras, Kajang
43000 Selangor

Tuan,

**KELULUSAN UNTUK MENGADAKAN PERTANDINGAN MINDA 2023
(MIND COMPETITIONS 2023) DAN PESTA MINDA MALAYSIA KE-17 (17TH MALAYSIA
FESTIVAL OF THE MIND)**

Dengan segala hormatnya surat tuan bertarikh 16 Jun 2023 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman **tiada halangan** pihak tuan untuk mengadakan program di sekolah-sekolah di Negeri Kedah dengan mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

- 2.1 Mendapat persetujuan daripada Pegawai Pendidikan Daerah dan Pengetua sekolah berkenaan;
- 2.2 Surat kebenaran / kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapat sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 2.3 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid dan guru yang terlibat dengan program ini;
- 2.4 murid-murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- 2.5 Pihak penganjur hendaklah menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
- 2.6 Tidak akan memberi implikasi kewangan kepada Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan Kementerian Pendidikan Malaysia;
- 2.7 Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa serta tidak mematuhi garis panduan KPM.
- 2.8 Digalakkan memakai pelitup muka pada setiap masa;

JPNK.600-11/1/1 Jld. 22(92)

3. Pihak tuan adalah diminta berhubung dan berbincang dengan Pengetua sekolah-sekolah yang berkenaan. Jabatan Pendidikan Negeri Kedah menyarankan agar aspek keselamatan dan kesihatan diberi keutamaan pada setiap masa. Kebenaran ini adalah untuk tujuan tersebut di atas sahaja. Kebenaran ini adalah tertakluk seperti tujuan dimohon sahaja oleh pihak tuan kepada sekolah berkenaan dan adalah **sah pada 09 September 2023**.

4. Sebarang pertanyaan sila hubungi **Puan Norshezar Johar** di talian **012-5887030**.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan amatlah dihargai dan didahului ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG”

Saya yang menjalankan amanah,



(SHAHRUL AMRI BIN SALLEH)

Penolong Pendaftar
Institusi Pendidikan Dan Guru,
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
b.p. Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Guru,
Kementerian Pendidikan Malaysia